

**TEKS UCAPAN UNTUK PENGARAH PKPP Majlis  
Perasmian Karnival Kokurikulum Berkredit semester 1 sesi 2022/2023**

**YBRS. PROFESOR MADYA DR. JURRY FOO  
Pengarah Pusat Kokurikulum Dan Pemajuan Pelajar**

**Bismilahirrahmanirahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Terima kasih kepada Saudara/Saudari pengacara majlis

YBhg. Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor,

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah

YBrs. Profesor. Dr. Rasid Mail, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBrs. Profesor Madya Dr. Raman Noordin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Dekan-dekan serta wakil

Jurulatih PKPP UMS

Pengarah Program, Saudara Mohammad Noh Bin Mohammad Zaimie

Barisan Jawatankuasa Pelaksana

Mahasiswa-masiswa dah hadirin yang dikasihi sekalian

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurnia-Nya maka Majlis Perasmian Karnival Kokurikulum Berkredit semester 1 sesi 2022/2023 dapat diadakan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan atas kesudian YBhg. Datuk Naib Canselor kerana sudi merasmikan Majlis ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak fakulti, institut dan pusat yang sentiasa menyokong PKPPUMS.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga PKPPUMS serta semua yang memberikan komitmen dalam menjayakan program ini.

YBhg. Datuk dan hadirin sekalian,

Kursus kokurikulum berkredit adalah kursus teras universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar dalam membentuk mahasiswa holistik. Pusat ini menawarkan ekosistem

pembelajaran kondusif berpusatkan pelajar (*student centered learning*) menggunakan modul kemahiran insaniah, dilaksanakan menerusi kaedah penyampaian pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti kemasyarakatan, rekacipta dan bakat yang masing-masing dijenamakan sebagai program SPRINT (Siswa prihatin), Karnival Inovasi dan karnival Kokurikulum.

Karnival Kokurikulum merupakan kemuncak pengajaran dan pembelajaran kursus kokurikulum berkredit untuk mempamerkan output pembelajaran secara amali dan sebagai platform pengembangan bakat melalui persembahan, pameran dan pertandingan.

Dalam era normal baharu ini pembudayaan rekacipta terus diperkasakan. Karnival Inovasi semester ini telah menyaksikan sebanyak 62 idea inovasi terhasil di mana 22 daripadanya berjaya dianugerahkan sijil emas. Beberapa anugerah juga telah diberikan iaitu Anugerah Jurulatih terbaik dan Anugerah Khas Pengarah PKPP, selain Anugerah Perak dan Anugerah Gangsa.

Selain itu, PKPP menerajui penganjuran pertandingan inovasi dalam The 1<sup>st</sup> International SBM Innovation Competition anjuran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FBEA) dengan Kerjasama Universiti Muhammadiyah Surakarta, Sabah Oil and Gas Development Corporation SDN BHD (SOGDC), KRU Academy dan Sarjanawiyata Taman siswa UST.

Selain daripada itu, PKPPUMS juga telah memberikan peluang kepada mahasiswa menyertai pertandingan inovasi, misalnya bagi Bulan Keusahawanan Universiti Malaysia Sabah 2022, pelajar BAKTISISWA 1 bimbingan Dr. Colonius Atang meraih tempat ketiga pertandingan Business Idea Pitching Kategori Inovasi & Teknologi.

Bagi melaksanakan peranan - 'UMS Leading Towards Innovative Societies' PKPPUMS memperkasakan lagi aktiviti kemasyarakatan secara semuka mahupun secara dalam talian yang bukan sahaja mampu memasyarakatkan ilmu, tetapi juga sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang semestinya mampu membentuk kemahiran sosial pelajar.

YBhg. Datuk dan hadirin sekalian,

PKPPUMS akan terus melaksanakan tanggungjawab membentuk mahasiswa holistik, merealisasikan misi dan visi UMS selaras dengan motto bertekad cemerlang.

Bagi mengakhiri ucapan saya pada pafi ini, saya ingin merakamkan penghargaan sekali lagi kepada Datuk Naib Canselor serta seluruh warga universiti Malaysia Sabah.

Sekian, terima kasih.